

## LOMBOK KEMBALI BERGEGAR

Jumlah kutipan terkini Tabung #sinarpedulilombok: RM91,220.84

# Mangsa gempa perlu bangkit

*Mains hantar 150 khemah, satu tan makanan ke kawasan terjejas*

LIZA HASAN

SHAH ALAM

**H**anya doa kesyukuran mampu saya panjatkan ke hadirat Ilahi.

Pemergian saya ke Lombok sebagai sukarelawan solo mendapat perhatian Majlis Agama Islam Negeri Sembilan menerusi beberapa artikel yang pernah disiarkan di akhbar Sinar Harian dan Sinar Online.

Sejurus saya pulang ke tanah air, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) bersama 16 sukarelawan berlepas ke bumi Lombok, Indonesia, bagi menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa gempa bumi di wilayah Lombok Utara.

Misi tiga hari itu memberi tumpuan di daerah Tan-



Sukarelawan Mains yang berada di Lombok.



Antara 150 khemah yang dihantar oleh Mains di Dusun Sigar Penjaln.

jung, terutama di Pondok Persantran Assai'diyah di Dusun Sigar Penjaln dan kawasan sekitar.

Kumpulan diketuai pegawainya, Ahmad Zaki Hamzah berkata, sebanyak 150 khemah dan keperluan mendesak yang lain turut disalurkan selepas mengetahui kawasan

itu kekurangan bekalan makanan.

"Kira-kira satu tan makanan, minuman dan barangan kebersihan diri diserahkan kepada penduduk yang terjejas di kawasan terbabit.

"Selepas melihat sendiri kawasan tersebut bantuan susulan akan disalurkan mel-



Bantuan dari sukarelawan Malaysia dihargai rakyat Indonesia.



Kedatangan Mains turut mendapat liputan media tempatan.

alui petugas di pondok berkecukupan," katanya.

Mains bukan setakat menyampaikan bantuan tetapi mereka sendiri mendirikan khemah dan melayan anak yatim dan asnaf yang

masih trauma.

Sungguh pun masih berlaku gegaran, semangat dan azam Mains tidak terhenti di situ. Tidak bimbang dengan gegaran yang masih berlaku, Ahmad Zaki berkata, kumpu-

lannya akan meneruskan bantuan dari semasa ke semasa.

"Selepas ini kami bercadang membawa kaunselor berdaftar dari pusat kaunseling Mains dan menambah beberapa keperluan lain kerana gempa susulan masih lagi berlaku," katanya.

Tanpa disangka, kehadiran mereka ini juga mendapat liputan media Lombok yang mana mereka 'terkejut' dengan bantuan disalurkan ke Dusun Singar Penjaln, satu kawasan yang amat terpencil.

Apa yang boleh saya lakukan hanya penghargaan tak terhingga buat sukarelawan Mains; Pengerusi Mains, Datuk Mohamed Husein dan Setiausaha Mains, Datuk Kamal Amran Kamarudin.

Kini, setiap kali gempa berlaku, air mata saya pasti bergenang mengenangkan nasib mangsa di sana. Usaha risau, gempa ini hanyalah ujian kecil ALLAH SWT. Reda dan sentiasa bersyukur dengan nikmat yang ada.